

Ceramah Akademik Kultur Tisu Tumbuhan

Artikel oleh: Hartinie Marbawi

Satu ceramah akademik yang bertajuk '*Commercialisation of Tissue culture Products*' telah disampaikan oleh Dr. Doreen K.S Goh, Pengurus Kumpulan YSG Biotech Sdn. Bhd. pada 25 Mei 2012 bertempat di BK3, SST. Ceramah ini diadakan sebagai salah satu aktiviti pembelajaran bagi kursus SY20303 Prinsip Kultur Sel dan Tisu yang dikendalikan oleh Prof. Madya Dr. Zaleha Abd. Aziz. Selain daripada para pelajar tahun dua yang sedang mengikuti kursus tersebut, sesi ceramah turut dihadiri oleh para pensyarah program Bioteknologi serta pelajar pascasiswazah dan pelajar tahun akhir.

Dalam ceramah ini, beliau telah memberi penerangan ringkas berkaitan peringkat-peringkat aktiviti yang dijalankan di YSG Biotech terutamanya yang melibatkan propagasi berskala besar pokok kayu jati (*Tectona Grandis*) serta penghasilan anak pokok untuk tujuan komersil dan eksport. Para pensyarah program Bioteknologi juga berkesempatan mengadakan pertemuan ringkas bersama beliau serta mendapatkan maklum balas berkaitan penyelidikan terkini yang dijalankan di YSG Biotech Sdn. Bhd.



Dr. Ivy Wong NyetKui (Ketua Program, Bioteknologi) menyampaikan cenderahati kepada Dr. Doreen Goh.